

03 AUG 2002

LID-KEGANASAN EKONOMI/I

KEGANASAN EKONOMI BOLEH BAWA KEPADA SATU LAGI SERANGAN 11 SEPT, KATA RAMON

Oleh: Mohd Arshi Daud

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Dunia mungkin akan menyaksikan satu lagi serangan penganas seperti kejadian 11 September sekiranya negara-negara perindustrian gagal mengakui kesan kemusnahan jangka panjang keganasan ekonomi, kata Tan Sri Ramon Navaratnam, penasihat ekonomi Kumpulan Sunway.

"Saya tidak akan terkejut jika satu lagi kejadian 11 Sept berlaku tidak lama lagi atau seperti peristiwa 11 Sept sekiranya mereka tidak mengubah cara mereka," katanya kepada pemberita di luar persidangan Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 di sini hari ini.

Navaratnam, yang menyertai Global 2002 berkata adalah satu tindakan yang bodoh bagi negara-negara perindustrian untuk tidak mengambil kira kemusnahan jangka panjang yang berpunca daripada mereka melalui keganasan ekonomi kerana mereka boleh membawa kepada ketegangan politik dan keganasan ketenteraan.

Mengulas mengenai konsep keganasan ekonomi yang disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan pembukaan Global 2002 pada Khamis, Navaratnam berkata ia adalah ancaman sebenar yang lebih berbahaya daripada keganasan ketenteraan.

"Tetapi ia tidak mudah dikesan sehingga anda tidak melihatnya, anda tidak boleh melihat musuh dan anda tidak boleh lari," katanya.

Mengenai keganasan ekonomi, Navaratnam berkata negara-negara kaya boleh memusnahkan dan mengeksploit negara-negara miskin melalui ekonomi, menjadikan rakyat negara-negara ini merana dengan cara lebih bahaya daripada perang yang sebenarnya.

Beliau berkata negara-negara maju tidak sepatutnya tamak apabila memaksa pembukaan pasaran di bawah globalisasi sebenarnya sebagaimana dalam bentuk keganasan ekonomi.

"Keganasan ekonomi berlaku di meja rundingan dan pelaksanaan polisi-polisi Pertubuhan Perdagangan Dunia mungkin tidak pihak kita dan di pihak anti negara-negara membangun," kata Navaratnam.

Oleh itu, beliau berkata negara-negara dunia perlu bersama-sama mengatasi keganasan ekonomi oleh negara-negara kaya.

Navaratnam memberi amaran bahawa apabila rakyat dihalang, dijadikan miskin atau diabaikan seperti rakyat Palestin, akan terdapat situasi apabila mereka yang terjejas akan membalas balik dan mengorbankan diri mereka kerana merasakan "mereka menjalankan tugas untuk keluarga mereka."

-- BERNAMA

MAD SHY NHD